

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi memastikan kualiti perkhidmatan teksi dan keselamatan penumpang di Pulau Pinang. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan teksi memakai meter di Pulau Pinang.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah melaksanakan pelan migrasi teksi dengan memperkenalkan Teksi 1Malaysia (TEKS1M) yang akan menggantikan teksi sedia ada.
2. TEKS1M diperkenalkan dengan menekankan 3 aspek utama iaitu:
 - (a) Keselesaan penumpang
 - penggunaan kenderaan baru dan seragam
 - ruang kepala, kaki dan bagasi yang lebih luas
 - (b) Keselamatan
 - Kenderaan dilengkapi dengan beg udara dan Anti-lock Braking System (ABS)
 - (c) Pemandu
 - pemandu dipilih melalui saringan dan kriteria yang ditetapkan yang mementingkan keselamatan dan keselesaan penumpang (sebagai contoh, mempunyai lesen PSV dan mempunyai pengalaman memandu yang luas)
 - Pemandu yang terpilih juga diwajibkan menjalani kursus dan latihan yang dianjurkan oleh SPAD yang memberi

penekanan terhadap faktor keselamatan dan keselesaan penumpang.

3. Bagi memastikan teksi beroperasi menggunakan meter, SPAD sentiasa memantau operasi teksi. Aktiviti penguatkuasaan telah dipertingkatkan bagi memastikan segala syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi semua pihak yang terlibat. Tindakan tegas termasuk menggantung dan membatalkan lesen atau kad pemandu akan diambil sekiranya ada pemandu didapati bersalah.
4. Dalam pada masa yang sama, kerjasama daripada pengguna sentiasa dialu-alukan seperti melaporkan kepada unit aduan SPAD sekiranya terdapat pemandu yang tidak menggunakan meter.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM TZE TZIN
DARIPADA [BAYAN BARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) dari tahun 2000 hingga 2014, bilangan pelajar-pelajar yang ditawarkan kursus IPTA dalam pilihan setiap tahun; dan
- b) bilangan pelajar-pelajar yang ditawarkan kursus IPTA di luar pilihan sejak tahun 2000 hingga 2014 setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara puratanya, sejak tahun 2012, bilangan pelajar yang ditawarkan kursus IPTA dalam pilihan adalah seramai 34,203 orang pelajar. Manakala purata bilangan pelajar yang ditawarkan kursus di luar pilihan sejak 2012 adalah seramai 6,769 orang pelajar.